



**SURAT KELILING JABATAN PERDANA MENTERI BIL: 8/2007**  
**NEGARA BRUNEI DARUSSALAM**

**KELUAR MINUM SEMASA WAKTU PEJABAT**

Adalah diperhatikan bahawa sejak kebelakangan ini masih terdapat sebilangan pegawai-pegawai dan kakitangan Kerajaan yang keluar meninggalkan pejabat semasa waktu bekerja untuk minum di kedai-kedai minum/makan, restoran-restoran dan yang seumpamanya. Perbuatan seperti ini adalah menyalahi Peraturan-Peraturan Pegawai-Pegawai Kerajaan, Penggal 83, Akta Suruhanjaya Perkhidmatan Awam, Etika Kerja Perkhidmatan Awam serta menjejaskan produktiviti dan pemberian perkhidmatan kepada orang ramai. Perkara ini pernah disentuh di dalam Surat Keliling Jabatan Perdana Menteri bilangan 27 / 1984 bertarikh 23 Ogos 1984 dan keadaan seumpama ini dikhuatiri akan menjejaskan lagi imej Perkhidmatan Awam jika dibiarkan berlanjutan.

Justeru itu, sebagai susulan kepada Surat Keliling Jabatan Perdana Menteri bilangan 1 / 1999 bertarikh 16 Ramadan 1419 bersamaan dengan 04 Januari 1999, adalah dipohonkan perhatian semua pegawai-pegawai dan kakitangan Kerajaan untuk memberhentikan kegiatan dan perbuatan seumpama ini serta sentiasa berada di pejabat masing-masing untuk menjalankan tugas dan tanggungjawab yang diamanahkan dalam memberikan layanan dan perkhidmatan kepada orang ramai. Dalam hubungan ini, pegawai-pegawai dan kakitangan Kerajaan adalah disarankan untuk menggunakan kemudahan bilik rehat atau kantin yang terdapat di Kementerian dan Jabatan masing-masing bagi tujuan rehat minum.

Pada masa yang sama, kakitangan kaunter hendaklah juga sentiasa berada di kaunter masing-masing supaya orang ramai akan dapat berurusan dengan mudah dan menerima perkhidmatan dengan sebaik-baiknya. Setiausaha Tetap / Ketua Jabatan hendaklah memastikan kaunter-kaunter di Kementerian dan Jabatan masing-masing sentiasa mempunyai kakitangan yang bertugas dan tidak dibiarkan kosong agar tidak menjejaskan pemberian perkhidmatan kepada orang ramai.

Sekian dimaklumkan untuk perhatian dan tindakan Tuan Peramba/Pehin/ Dato / Datin / Tuan / Puan mengenainya.

**[ PG DATO PADUKA HJ ABD HAMID BIN PG HJ MOHD YASSIN ]**

Setiausaha Tetap  
Jabatan Perdana Menteri  
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM